

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
2	KPT PERLU RANGKA PELAN PEMBANGUNAN BAKAT, PEMBINAAN KAPASITI UNTUK TINGKAT KECEKAPAN	1 JUN 2023	BERNAMA.COM
3	KPT PERLU RANGKA PELAN PEMBANGUNAN BAKAT, PEMBINAAN KAPASITI UNTUK TINGKAT KECEKAPAN	1 JUN 2023	BERNAMA.COM
4	USAHA TARIK MINAT KANAK - KANAK MEMBACA PERLU LEBIH KREATIF - NANCY	4 JUN 2023	BERNAMA.COM
5	KPT TIMBANG PENUBUHAN POLITEKNIK SWASTA DITERAJUI PIHAK INDUSTRI	10 JUN 2023	BERNAMA.COM
6	KERAJAAN WUJUDKAN PROGRAM TVET KHAS WANITA	10 JUN 2023	BERNAMA.COM
7-9	TVET : KERJASAMA PEMAIN INDUSTRI PERLU DIPERTINGKAT	17 JUN 2023	BERNAMA.COM
10-11	KERAJAAN PERTIMBANG PERKENAL SEMULA KAD DISKAUN KEPADA SISWA	17 JUN 2023	BERNAMA.COM
12	MELAKA ANJUR EKSPLO BUKU MALAYSIA 2024	26 JUN - 2 JULAI 2023	MHI
13-15	PENSYARAH UNIMAS BANGUNKAN SISTEM PS4-S UNTUK KESAN MASALAH MENTAL PELAJAR	27 JUN 2023	BERNAMA.COM

# BERNAMA

1 JUN 2023

BERNAMA.COM | KPT PERLU RANGKA PELAN PEMBANGUNAN BAKAT, PEMBINAAN KAPASITI UNTUK TINGKAT KECEKAPAN

## KPT PERLU RANGKA PELAN PEMBANGUNAN BAKAT, PEMBINAAN KAPASITI UNTUK TINGKAT KECEKAPAN - KHALED



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (tengah) menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Perdana kepada Kamaruzaman Mahmood pada Majlis Apresiasi Kecemerlangan Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2022 di Kementerian Pendidikan Tinggi hari ini. Turut sama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar (kiri).

01/06/2023 01:48 PM



# BERNAMA

1 JUN 2023

BERNAMA.COM | KPT PERLU RANGKA PELAN PEMBANGUNAN BAKAT, PEMBINAAN KAPASITI UNTUK TINGKAT KECEKAPAN

## KSM RANCANG GUNA KAEDAH KURSUS MODUL TARIK MINAT ORANG ASLI SERTA TVET



Menteri Sumber Manusia V. Sivakumar ketika melawat reruai pameran pada Program TVET dan Kerjaya Orang Asli di Orang Asli One Stop Centre (OAOSC) Bawong, Sungai Siput.

# BERNAMA

4 JUN 2023

BERNAMA.COM | USAHA TARIK MINAT KANAK - KANAK MEMBACA PERLU LEBIH KREATIF - NANCY

## USAHA TARIK MINAT KANAK-KANAK MEMBACA PERLU LEBIH KREATIF- NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri bergambar bersama Buku Puisi Ganjil Satu dan penulis buku tersebut Tan Sri Hamad Kama Che Piah (kiri) selepas majlis pelancaran ketika di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC) hari ini. Turut bersama Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka Md Johari Hasan (kanan).

# BERNAMA

10 JUN 2023

BERNAMA.COM | TVET : KPT TIMBANG PENUBUHAN POLITEKNIK SWASTA DITERAJUI PIHAK INDUSTRI

## TVET: KPT TIMBANG PENUBUHAN POLITEKNIK SWASTA DITERAJUI PIHAK INDUSTRI



10/06/2023 08:20 PM

# BERNAMA

10 JUN 2023

BERNAMA.COM | KERAJAAN WUJUDKAN PROGRAM TVET KHAS WANITA

## KERAJAAN WUJUDKAN PROGRAM TVET KHAS WANITA - AHMAD ZAHID



10/06/2023 09:38 PM

# BERNAMA

17 JUN 2023

BERNAMA.COM | TVET : KERJASAMA PEMAIN INDUSTRI PERLU DIPERTINGKAT

## TVET: KERJASAMA PEMAIN INDUSTRI PERLU DIPERTINGKAT



Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail

17/06/2023 03:33 PM

KUANTAN, 17 Jun (Bernama) -- Kerjasama pemain industri dengan institusi program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu dipertingkatkan, kata Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Beliau berkata TVET memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah pengangguran belia kerana ia menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan industri.

"Industri seharusnya lebih terlibat dalam membantu mengembangkan program latihan bagi pelajar TVET dan perlu memberi sokongan dalam penyediaan kemudahan serta infrastruktur seperti menawarkan peralatan dan teknologi terkini untuk pengajaran dan pembelajaran.

"Kerjasama dengan industri juga membolehkan institusi TVET menawarkan program lebih berkualiti dan relevan dengan keperluan pasaran kerana mereka adalah pihak paling mengetahui permintaan industri," katanya.

Wan Rosdy berkata demikian semasa berucap merasmikan Majlis Konvokesyen dan Pentauliahan Kemahiran Malaysia Kolej Yayasan Pahang (KYP) Advanced Skills 2023 di Dewan Utama Majlis Bandaraya Kuantan di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah KYP Skills Sdn Bhd Datuk Dr Ahmad Munawar Abdul Jalil dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang (YP) Datuk Mahmud Mohd Nawawi.

Wan Rosdy berkata kerjasama erat pihak industri juga dilihat dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti kerana pekerja yang berkualiti serta terlatih mampu meningkatkan prestasi sekali gus mengurangkan kos operasi.

Pada ucapannya, Wan Rosdy juga berbangga dengan usaha sama YP, KYP Advanced Skills dan Maahad Tahfiz Negeri Pahang melaksanakan program Tahfiz Mahir dengan tajaan penuh YP, bagi memperluaskan bidang kemahiran dalam kalangan penuntut tahfiz untuk memberi jaminan kerja dengan latihan yang diiktiraf di peringkat nasional.

"Bagi tujuan itu, kerajaan negeri menerusi Belanjawan Pahang 2023 memperuntukkan RM1 juta bagi pembangunan institusi latihan kemahiran baharu Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional Maahad Tahfiz di Penor (Kuantan)," katanya.

Pada majlis itu, seramai 290 graduan menerima sijil terdiri daripada 154 penerima Diploma Kemahiran Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia manakala 136 lagi menerima pentauliahan kemahiran Malaysia.

-- BERNAMA

# BERNAMA

17 JUN 2023

BERNAMA.COM | KERAJAAN PERTIMBANG PERKENAL SEMULA KAD DISKAUN KEPADA SISWA

## KERAJAAN PERTIMBANG PERKENAL SEMULA KAD DISKAUN KEPADA SISWA



PARIT, 17 Jun (Bernama) -- Kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan semula kad diskaun kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) dalam usaha membantu mengurangkan beban dan menjaga kebajikan golongan berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata perbincangan akan dilakukan bersama Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam masa terdekat.

"Ini kerana ia berada di luar bidang kuasa saya tetapi idea itu boleh dipanjangkan sepertimana banyak program Rahmah dilaksanakan untuk siswa seperti menu makanan berharga di bawah RM5.

"Program-program ini diadakan untuk memudahkan mereka mendapatkan makanan di universiti, malah ada 'food bank' untuk mereka yang memerlukan mendapatkan barangan tertentu secara percuma," katanya pada sidang media Program Jelajah Rahmah dan Townhall Menteri KPDM Bersama Rakyat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak, Seri Iskandar di sini hari ini.

Sebelum ini, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDS1M) direka untuk berfungsi sebagai kad debit, ATM dan diskaun hingga 60 peratus untuk pelbagai produk bagi penuntut IPT.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata kerajaan turut bercadang meneruskan Jualan Rahmah di kesemua 600 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara secara bergilir-gilir bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

# MELAKA HARI INI

26 JUN - 2 JULAI 2023

MHI | MELAKA ANJUR EKSPLO BUKU MALAYSIA 2024

10 MELAKA HARI INI 26 JUN - 2 JULAI 2023

LOKAL

## Melaka anjur Ekspo Buku Malaysia 2024

Liana Sahabudin

**DURIAN TUNGGAL** - Melaka bakal menganjurkan Ekspo Buku Malaysia 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh pada 28 Februari tahun depan.

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Ts. Dr. Massila Kamalrudin berkata, ekspo berkenaan bakal menjadi platform terbaik memupuk budaya membaca dan menulis selaras hasrat kerajaan dalam merealisasikan matlamat membina Malaysia Madani yang dinamik.

Tambahnya, ekspo berkenaan juga diadakan bersempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024).

"Ini seiring dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca 2030. Usaha ini juga mampu memartabatkan penggiat industri perbukuan termasuk penulis dan penerbit untuk merencanakan lagi aktiviti penerbitan serta perbukuan dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Wacana Kedaulatan Malaysia dan

Pelancaran Ekspo Buku Malaysia 2024 di Auditorium Canselori Kampus Induk UTeM, di sini, 20 Jun lalu.

Majlis pelancaran itu disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam yang juga Canselor UTeM.

Dalam pada itu, Massila berkata, sejak tahun 2000, UTeM telah menerbitkan lebih 700 judul buku merangkumi bahan ilmiah dan umum.

Katanya, penerbitan bahan cetakan itu turut menyumbang kepada perolehan hasil untuk UTeM.

"Ini terbukti dengan nilai jualan buku terbitan UTeM sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 (PBAKL) yang lalu meningkat daripada RM9,543.44 pada 2022 kepada RM 10,876.05 tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 13.96 peratus.

"Lebih membanggakan, nilai jualan buku terbitan UTeM di PBAKL 2023 adalah tertinggi dalam kalangan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) lain," katanya.



YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam, merasmikan Wacana Kedaulatan Malaysia dan Pelancaran Ekspo Buku Malaysia 2024 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Foto Iqmal Haqim Rosman

# BERNAMA

27 JUN 2023

BERNAMA.COM | PENSYARAH UNIMAS BANGUNKAN SISTEM PS4-S UNTUK KESAN MASALAH MENTAL PELAJAR

## PENSYARAH UNIMAS BANGUNKAN SISTEM PS4-S UNTUK KESAN MASALAH MENTAL PELAJAR



Pensyarah Kanan Sains Kognitif Dr Mohamad Hardyman Barawi dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

KUCHING, 27 Jun (Bernama) -- Empat pensyarah dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya membangunkan sistem sokongan psikoemosional untuk pelajar atau *Psychoemotional Support for Students* (PS4-S) bagi membantu mendiagnosis pelajar yang mengalami tekanan mental.

Sistem itu yang terdiri daripada 20 soalan mengenai perasaan dialami individu, dibangunkan bersama oleh Pensyarah Kanan Sains Kognitif UNIMAS Dr Mohamad Hardyman Barawi dan pensyarah Ross Azura Zahit, Dr Abdul Razak Yahya Salleh Al-Hababi dan Dr Wan Norizan Wan Hashim.

Dr Mohamad Hardyman berkata setiap jawapan mempengaruhi keputusan diagnosis yang dikategorikan mengikut skala normal, sedikit, sederhana sehinggalah ke tahap kemurungan, iaitu ahli psikologi akan mengesyorkan kaedah terapi dan jika perlu membuat janji temu dengan pegawai psikiatri berdaftar.

“Sistem ini amat membantu ahli psikologi untuk mendiagnosis pesakit bagi mendapatkan keputusan yang tepat bagi mencari penyelesaian dalam menentukan jenis rawatan yang sesuai bagi mencegah gangguan mental, tingkah laku dan emosi seseorang individu,” katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Katanya kejayaan membangunkan sistem PS4-S ini juga membolehkan mereka memenangi pingat emas dalam Pameran dan Pertandingan Inovasi Kaunseling Antarabangsa anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa tahun lepas.

“Sebagai permulaan, sistem PS4-S ini diguna pakai di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia dan seterusnya akan dicadangkan digunakan di seluruh UNIMAS bagi membantu mendiagnosis pelajar yang cenderung berubah dari segi tingkah laku,” katanya.

Dr Mohamad Hardyman berkata kesihatan mental yang merujuk kepada kesejahteraan fizikal, mental dan sosial perlu diberi perhatian dan rawatan pakar psikiatri, khususnya dalam kalangan individu yang cenderung mengalami tekanan mental.

Beliau berkata masalah kesihatan mental boleh dialami sesiapa sahaja tanpa mengira peringkat usia dan jika dibiarkan boleh menyebabkan kecenderungan individu yang mengalaminya untuk membunuh diri.

Katanya sistem PS4-S mampu digunakan sebagai pendekatan awal untuk menilai tahap kesihatan mental pelajar yang dikesan mengalami perubahan dari segi tingkah laku.

Jelasnya, untuk memastikan penilaian kesihatan mental itu lebih tepat, kebiasaannya memerlukan bantuan pakar agar keputusan yang diperoleh adalah lebih jujur berdasarkan situasi semasa individu yang didiagnosis.

“Hasil keputusan atau laporan yang tepat membolehkan ahli psikologi mencadangkan kaedah-kaedah yang sesuai untuk dijalankan bagi memulihkan emosi seseorang dengan menjalani terapi seperti terapi *interpersonal*, psikodinamik dan terapi seni,” tambahnya.

-- BERNAMA